



---

**PEKELILING PERKHIDMATAN LEMBAGA PELABUHAN JOHOR**  
**UNIT MARIN & VTMS**

---

**PROSIDUR PENGURUSAN LESEN PERKHIDMATAN SOKONGAN  
LEMBAGA PELABUHAN JOHOR**

**Pindaan Pertama**

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan prosidur pengurusan lesen perkhidmatan sokongan yang dijalankan di dalam had Pelabuhan Tanjung Pelepas dan had Pelabuhan Pelabuhan Pasir Gudang.

**2.0 TAFSIRAN**

- 2.1 Melainkan sesuatu itu jelas maksudnya di dalam Pekeliling ini, tafsiran di bawah hendaklah diikuti:

**“Pelulus”** ialah Pengurus Besar LPJ atau Penolong Pengurus Besar Operasi Kawalselia.

**“Penyokong”** ialah Pengurus Kanan Marin, Pengurus Kanan SHE Operasi Trafik Pengurus Marin, Pengurus SHE dan Pengurus Operasi Trafik.

**“Freight Forwarder”** ialah agensi yang melaksanakan aktiviti import/eksport bagi mewakili kepentingan pengirim dan pengantar kargo diperingkat antarabangsa atau domestik.

**“Warehouse Operator”** ialah syarikat yang menjalankan perkhidmatan penyimpanan semantara kargo didalam gudang bagi tujuan simpanan bagi tujuan import, eksport atau transhipment.

**“Operator Instolasii”** ialah syarikat yang menjalankan perkhidmatan penyimpanan cecair dalam tangki.

**“On Dock Depot”** ialah syarikat yang menjalankan perkhidmatan penyimpanan sementara untuk kontena kosong bagi tujuan import dan eksport.

**“Cargo Survey”** ialah syarikat yang menjalankan perkhidmatan pemeriksaan atau penelitian terhadap kuantiti dan kualiti kargo yang dibawa atau disimpan.

**“Tally Clerk”** ialah syarikat yang menjalankan perkhidmatan kerani hitung di dermaga pelabuhan bagi kerja penerimaan dan penyerahan, memunggah/memuat kargo ke kapal atau sebaliknya.

**“Stevedoring”** ialah syarikat yang menjalankan perkhidmatan memuat/memunggah kargo di kapal dan sebaliknya.

**“Lashing/Unlashing”** ialah syarikat yang membekalkan buruh untuk kerja mengikat dan memperkuat muatan di atas kapal terutamanya kapal kontena.

**“Fumigation”** ialah syarikat yang menjalankan rawatan pewasapan untuk menghapuskan mahluk perosak dan penyakit dalam kontena atau di dalam gudang.

**“Stevedoring Gears”** ialah alat bantu pungah/muat kargo ke kapal atau sebaliknya seperti *net*, *shackle*, *monkey face* dan lain.

**“Perkhidmatan Jentera Punggah”** ialah perkhidmatan jentera pengangkat yang digunakan untuk mengangkat kargo daripada lori dan di dalam gudang.

**“Oil Spill Response”** ialah syarikat yang memberi perkhidmatan menangani tumpahan minyak/bahan kimia samada di laut dan di darat.

**“Crane Service”** ialah syarikat yang memberi perkhidmatan jentera pengangkat kargo yang digunakan dalam operasi Pelabuhan.

**“Conveyor Service”** ialah syarikat yang memberi perkhidmatan pemindahan cargo dengan alat atau makanisma rantai atau getah dari satu tempat ke satu tempat dengan pemantauan dari jauh.

**“Bulk Operator”** ialah pengendali atau syarikat yang melakukan kerja memuat/menurunkan kargo jenis pukal seperti simen, clinker, beras, gandum dan kargo am.

**“Packing/Unpacking”** ialah syarikat yang memberi perkhidmatan kerja-kerja membungkus/menyusun/mengumpul sesuatu produk bagi tujuan import, eksport dan transhipmentl.

**“Driver Service”** adalah syarikat yang menyediakan khidmat pekerja yang mempunyai lesen kenderaan dan dilesenkan bagi tujuan kerja menurun/memuat/memunggah naik kenderaan import atau eksport seperti kereta, lori dan lain-lain ke dalam/keluar kapal kapal roro.

**“Ship Chandling”** ialah syarikat pembekal/pengedar alatan/barangan keperluan untuk kegunaan anak-anak kapal.

**“Stuffing/Unstuffing”** ialah syarikat yang menyediakan pekerja atau buruh yang melakukan kerja memuat/memunggah/menyusun kargo kedalam kontena untuk tujuan import/eksport.

**“Penyelaman”** ialah syarikat penyelaman yang melakukan kerja teknikal di bawah air di dalam kawasan pelabuhan atau had perairan pelabuhan bagi tujuan membaiki kapal, mencari kargo hilang, survey dan lain-lain.

**“Fresh Water Supply”** ialah syarikat yang menjalankan perkhidmatan pembekalan air tawar melalui kapal atau saluran paip di jeti.

**“Bunkering”** ialah syarikat yang menjalankan aktiviti pembekalan petroleum atau bahan bakar untuk kegunaan enjin kapal (MFO, MGO, LNG, MDO dan lain-lain).

**“Ship Repair and Supply of Ship Sparepart”** ialah syarikat pembaikan kapal dan pembekal alat ganti kapal untuk kegunaan kapal.

**“Repair and Supply Of Machinery Spare Parts (Crane, Conveyor, RTG and Others)”** ialah pembaikan dan pembekalan alat-alat punggah mesin seperti crane,conveyor,RTG dan lain –lain kelengkapan mesin punggah.

**“Domestic waste”** ialah syarikat yang menjalankan kerja pemungutan barang buangan am atau sisa buangan makanan daripada kapal.

**“Perkhidmatan Mooring”** ialah syarikat yang memberi perkhidmatan pekerja yang melakukan kerja mengikat/menambat kapal dari kapal ke dermaga berthing/unberthing, shifting kapal dan sebagainya.

**“Disposal Waste”** ialah syarikat yang mengendalikan sisa buangan daripada kapal yang dikategorikan di bawah bahan buangan terjadual (Akta Kualiti Alam Sekililing 1974) dan Konvensyen MARPOL.

**“Operasi Ship To Ship”** ialah syarikat yang menjalankan operasi pemindahan bahan petroleum dari kapal ke kapal.

**“Bunker Surveyor”** ialah syarikat yang menjalankan perkhidmatan juru ukur minyak bunkering / enjin kapal dagang yang dilesenkan oleh LPJ.

### **3.0 LATAR BELAKANG**

- 3.1 Lembaga Pelabuhan Johor menjalankan Hak Kuasa-Kuasa Di Bawah Para 3 (2)(v) Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan Malaysia 1963 (Pindaan 1992) Akta 488 bagi melesenkan perkhidmatan atau kerja-kerja khidmat sokongan dalam batas pelabuhan di bawah kuasa Lembaga Pelabuhan Johor.
- 3.2 Fungsi utama perlesenan adalah untuk memastikan segala aktiviti khidmat sokongan operasi di dalam had Pelabuhan Tanjung Pelepas dan had Pelabuhan Pasir Gudang adalah sah dijalankan dan mengikut peraturan yang digariskan oleh LPJ dan lain-lain agensi berkaitan.
- 3.3 Kelulusan pelaksanaan lesen khidmat sokongan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah LPJ Tanjung Pelepas pada 18 Julai 2017 dengan Bil.93/03/2017 dan Pasir Gudang pada 18 Julai 2017 dengan Bil.306/03/2017.
- 3.4 Kaedah pelaksanaan pengurusan lesen telah dijalankan melalui sistem '*Marine Management System*' (MMS) melalui pautan [www.lpjpcs.gov.my](http://www.lpjpcs.gov.my). Tatacara penggunaan sistem MMS terdapat dalam sistem tersebut. Jenis-jenis lesen sokongan dan kadar bayaran adalah seperti mana **LAMPIRAN 1**.
- 3.5 Memastikan lesen perkhidmatan sokongan telah mematuhi semua syarat-syarat perlesenan dapat dikeluarkan seperti yang terdapat **Piagam Pelanggan LPJ** selepas dokumen lengkap.
- 3.6 Syarat-syarat dokumen sokongan untuk permohonan lesen adalah seperti mana **LAMPIRAN 2**.
- 3.7 Carta alir pengurusan permohonan lesen adalah seperti mana di **LAMPIRAN 3**.
- 3.8 Carta alir bagi pemohon seperti di **LAMPIRAN 4**.

## **4.0 TERMA DAN SYARAT**

4.1 Terma dan syarat yang digunakan ialah **RUJUKAN: LPJ/M-TSLS/14 (AMENDMENT 01/2016)** namun dikemaskini melalui Pekeliling terbaru ini seperti berikut:

### **i. Lesen Operasi**

- a. Pemohon hendaklah mematuhi segala undang-undang Kerajaan dan lain-lain peraturan atau perintah yang dikuatkuasakan di bawah atau pindaan-pindaan Undang-Undang dan Akta Lembaga Pelabuhan Johor dari semasa ke semasa.
- b. Pemohon hendaklah memastikan bahawa bagi mana-mana keperluan permohonan yang memerlukan dokumen kelulusan agensi lain, dokumen/ lesen tersebut perlu dikeluarkan terlebih dahulu oleh Agensi Kerajaan tersebut sebelum permohonan dibuat yang masih sah lakunya.
- c. Sekiranya pihak pemohon memerlukan surat sokongan daripada LPJ, pemohon perlulah membuat permohonan secara rasmi kepada Pengurus Besar LPJ.
- d. Premis operasi pemohon hendaklah beralamat dan beroperasi di **Negeri Johor**.
- e. Pemohon hendaklah menjalankan operasi dan lesen hanya sah di dalam batas had Pelabuhan Pasir Gudang dan had Pelabuhan Tanjung Pelepas sahaja mengikut jenis lesen perkhidmatan sokongan yang diluluskan
- f. Lembaga Pelabuhan Johor tidak akan bertanggungjawab di atas segala aktiviti yang dilakukan oleh pemegang lesen atau pekerja-pekerja pemegang lesen yang mengakibatkan apa-apa tuntutan kerugian daripada mana-mana pihak yang terlibat.
- g. Lesen tidak dibenarkan dipindah milik atau dipinjamkan kepada syarikat lain.
- h. Lesen hendaklah dipamerkan di premis syarikat atau semasa aktiviti dijalankan
- i. Tindakan Mahkamah atau tindakan Undang-Undang akan dilaksanakan terhadap sebarang perkhidmatan atau kerja-kerja yang dilakukan oleh pemohon, sekiranya dengan sengaja melakukan kecuaian atau ingkar untuk melaksanakan apa-apa juga peraturan-peraturan atau arahan-arahan dan terus-terusan menjalankan perkhidmatan atau kerja-kerja di mana-mana premis;
- j. Pemohon hendaklah sentiasa melaksanakan dengan sempurna segala peraturan-peraturan serta arahan-arahan daripada pegawai-pegawai Lembaga Pelabuhan Johor.
- k. Pemohon dikehendaki membuat pembaharuan lesen perkhidmatan sokongan dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tarikh tamat tempoh

lesen (sekiranya masih ada keperluan). Notis pemberitahuan (melalui e-mel sistem MMS) akan dikeluarkan LPJ dalam tempoh tersebut.

- I. Syarikat hendaklah memastikan semua permit/lesen daripada lain-lain Agensi Kerajaan adalah sah dan belum tamat tempoh semasa membuat permohonan memperbaharui lesen. Lesen adalah terbatal serta merta sekiranya permit/lesen daripada agensi pelulus yang lain terbatal atau ditarik balik.

ii. **Pembatalan, Penggantungan dan Pembaharuan Lesen**

- a. LPJ boleh pada bila-bila masa menurut budi bicaranya dalam mana-mana hal keadaan yang berikut membatalkan, atau menggantung selama tempoh yang difikirkannya patut, mana-mana lesen yang dikeluarkan olehnya di bawah Akta ini -
  - i. jika pemegang lesen telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini;
  - ii. jika pemegang lesen telah melanggar mana-mana syarat lesen; dan
  - iii. jika pemegang lesen mempunyai tunggakan hutang dengan LPJ.
- b. Jika sesuatu lesen telah dibatalkan atau digantung, LPJ boleh pada masa pembatalan atau penggantungan itu, memberi apa-apa arahan dari semasa ke semasa kepada pemegang lesen sebagaimana difikirkan perlu untuk kepentingan awam dan pemegang lesen hendaklah mematuhi semua arahan itu.
- c. Pemegang lesen tidak boleh membuat apa-apa tuntutan atau berhak mendapat pampasan kerana apa-apa kerugian terhadap dirinya disebabkan oleh pembatalan atau penggantungan lesen yang dikeluarkan atau yang disebabkan oleh keengganan membaharui lesen itu.
- d. Permohonan untuk membaharui lesen hendaklah dibuat kepada LPJ mengikut prosidur yang ditetapkan. Bagi pemegang lesen yang telah tamat tempoh melebihi 2 tahun, permohonan akan dikategorikan sebagai **permohonan baru (new application)**.
- e. Pemegang lesen (pemohon) hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan mengenai apa-apa pertukaran maklumat dinyatakan dalam lesen.
- f. Lesen akan dibatalkan serta-merta sekiranya pemohon gagal membuat bayaran dalam tempoh empat belas (14) hari. Syarikat perlu memohon semula lesen sekiranya gagal membuat bayaran.
- g. Lembaga Pelabuhan Johor berhak membatalkan atau menggantung lesen tanpa apa-apa notis dengan serta-merta, jika di dapati maklumat yang diberikan oleh syarikat tidak benar dan palsu.

- h. Sebarang kelulusan pembatalan, penggantungan, pemohonan dan pembaharuan hendaklah diputuskan oleh Pelulus sahaja.

## 5.0 TARIKH KUATKUASA


- 5.1 Prosidur pengurusan lesen perkhidmatan sokongan (Pindaan Pertama) ini berkuatkuasa pada **1 Disember 2020**.

**"PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN"**

  
Pengurus Besar  
Lembaga Pelabuhan Johor

Sebarang pertanyaan boleh hubungi di:

**Unit Marin dan VTMS**  
Lembaga Pelabuhan Johor  
Jalan Mawar Merah 2,  
Pusat Perdagangan Pasir Gudang 2,  
81700 Pasir Gudang  
Johor  
Tel: 07- 253 4000  
Faks: 07- 253 3730



**LAMPIRAN 1**

Kod TP/PG	Jenis Lesen Perkhidmatan Sokongan	Kadar Bayaran	
		Baru (6 bulan)	Pembaharuan (1 tahun)
1	Ejen Fret / <i>Freight Fowarder</i>	525.00	1,025.00
2	Operator Gudang / <i>Warehouse Operator</i>	525.00	1,025.00
3	Operator Instolasi / <i>Installation Operator</i>	525.00	1,025.00
4	Depoh Kontena / <i>On Dock Depot</i>	525.00	1,025.00
5	Juru Ukur Kargo / <i>Cargo Surveyor</i>	525.00	1,025.00
6	Kerani Hitung Banding / <i>Tally Clerk</i>	525.00	1,025.00
7	Pengendali Kargo / <i>Stevedoring</i>	525.00	1,025.00
8	<i>Lashing Unlashing</i>	525.00	1,025.00
9	Pewasapan Kontena / <i>Fumigation</i>	525.00	1,025.00
10	<i>Stevedoring Gears</i>	525.00	1,025.00
11	Perkhidmatan Jentera Punggah / <i>Forklift Service</i>	525.00	1,025.00
12	Pembersihan Tumpahan Minyak / <i>Oil Spill Response</i>	525.00	1,025.00
13	Perkhidmatan Jentera Kren / <i>Crane Service</i>	525.00	1,025.00
14	Perkhidmatan Jentera Konveyor / <i>Conveyor Service</i>	525.00	1,025.00
15	Pengendalian Dagangan Pukal / <i>Bulk Operator</i>	525.00	1,025.00
16	<i>Packing Unpacking</i>	525.00	1,025.00
17	Khidmat Pemandu RORO / <i>RORO Driver Service</i>	525.00	1,025.00
18	<i>Ship Chandling</i>	275.00	525.00
19	<i>Stuffing Unstuffing</i>	275.00	525.00
20	Perkhidmatan Penyelaman / <i>Diving Service</i>	275.00	525.00
21	Bekalan Air Tawar / <i>Fresh Water Supply</i>	275.00	525.00
22	Bekalan Minyak Enjin Kapal / <i>Bunkering</i>	525.00	1025.00
23	Pembaikan Dan Pembekalan Alat Ganti Kapal / <i>Ship Repair and</i>	275.00	525.00

	<i>Supply of Ship Sparepart</i>		
24	Pembaikan Dan Pembekalan Alat Ganti Jentera (Kren, Konveyor, RTG Dan Lain-Lain) / <i>Repair and Supply Of Machinery Spare Parts (Crane, Conveyor, RTG and Others)</i>	525.00	1,025.00
25	Sisa Buangan Sampah Domestik / <i>Domestic Waste</i>	275.00	525.00
26	Perkhidmatan <i>Mooring / Mooring Service</i>	275.00	525.00
27	Pembuangan Sisa Kapal / <i>Ship Disposal Waste</i>	275.00	525.00
28	Operasi STS (Kapal Induk) / <i>Ship to Ship Operation (Mother Vessel)</i>	10,000.00 (Tahunan / Yearly)	10,000.00 (Tahunan/ Yearly)
29	Juru Ukur Minyak Enjin Kapal / <i>Bunker Surveyor</i>	525.00	1,025.00

**LAMPIRAN 2****Syarat Dokumen Lesen Perkhidmatan Sokongan****SUPPORT SERVICE LICENSE - DOCUMENT GUIDELINES**

01-Freight Forwarder (Ejen Fret)				02-Warehouse Operator (Operator Gudang)			
Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)	Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)
01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√	01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√
02	Company Profile	√	√	02	Company Profile	√	√
04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√	04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√

03-Installation Operator (Operator Intolasi)				04-On-Dock depot (Operator Depoh Kontena Kosong Di Dalam Pelabuhan)			
Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)	Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)
01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√	01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√
02	Company Profile	√	√	02	Company Profile	√	√
04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√	04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√

05-Cargo Surveyor				06-Tally Clerk (Kerani Hitung Banding)			
Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)	Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)
01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√	01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√
02	Company Profile	√	√	02	Company Profile	√	√
04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√	04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√
17	Cargo Survey License	√	√				

07-Stevedoring/ Cargo Handling/ Trimming Gang				08-Lashing And Unlashing			
Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)	Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)
01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√	01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√
02	Company Profile	√	√	02	Company Profile	√	√
04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√	04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√
				25	Training Certificate	√	√

09-Fumigation (Pewasapan Kontena)				10-Stevedoring Gears (Pembekalan Stevedoring Gears)			
Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)	Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)
01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√	01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√
02	Company Profile	√	√	02	Company Profile	√	√
04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√	04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√

11-Forklift Service (Pembekalan Perkhidmatan Jentera Punggah)				12-Oil Spill Response (Pembersihan Tumpahan Dagangan Bahaya)			
Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)	Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)
01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√	01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√
02	Company Profile	√	√	02	Company Profile	√	√
04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√	04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√
				20	Appointment Letter – Oil Spill Response (OSR)	√	√

13-Crane Service (Pembekalan Perkhidmatan Jentera Kren)				14-Conveyor Service (Pembekalan Perkhidmatan Jentera Konveyor)			
Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)	Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)
01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√	01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√
02	Company Profile	√	√	02	Company Profile	√	√
04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√	04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√

15-Bulk Operator (Pengendalian Dagangan Pukal)				16-Packing/Unpacking			
Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)	Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)
01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√	01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√
02	Company Profile	√	√	02	Company Profile	√	√
04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√	04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√

17-Driver Service (Membekalkan Perkhidmatan Pemandu Kenderaan Dari//Ke Kapal Roro)				18-Ship Chandling			
Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)	Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)
01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√	01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√
02	Company Profile	√	√	02	Company Profile	√	√
04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√	04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√

19-Stuffing And Unstuffing				20-Diving (Penyelaman)			
Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)	Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)
01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√	01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√
02	Company Profile	√	√	02	Company Profile	√	√
04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√	04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√
				14	Diver's License	√	√

21-Fresh Water (Bekalan Air Tawar)				22-Bunkering			
Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)	Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)
01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√	01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√
02	Company Profile	√	√	02	Company Profile	√	√
04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√	04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√
11	Domestic Shipping License (DSL)	√	√	07	PDA2 (KPDNHEP)	√	√
18	Ship Registry Certificate	√	√	08	Ship/Truck Particular	√	√
				11	Domestic Shipping Licence (DSL)	√	√
				19	Permit/ Approval Letter From Marine Department	√	√

23-Ship Repair (Pembaikan Dan Pembekalan Alat Ganti Kapal)				24-Crane, Conveyor, Rtg And Others Machinery (Pembaikan Dan Pembekalan Alat Ganti Jentera)			
Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)	Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)
01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√	01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√
02	Company Profile	√	√	02	Company Profile	√	√
04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√	04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√

25-Domestic Waste (Sisa Buangan Sampah Domestik)				26-Mooring			
Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)	Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)
01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√	01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√
02	Company Profile	√	√	02	Company Profile	√	√
04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√	04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√
16	Pihak Berkuasa Tempatan (Local Authority License)	√	√	25	Training Certificate	√	√


27-Disposal Waste (Pembuangan Dan Penerimaan Sisa Kapal)				28-Ship-To-Ship (STS) (Kapal Induk)			
Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)	Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)
01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√	01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√
02	Company Profile	√	√	02	Company Profile	√	√
04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√	04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√
15	Jabatan Alam Sekitar (DOE) License/Permit	√	√	09	Q 88	√	√
				11	Domestic Shipping Licence (DSL)	√	√
				18	Ship Registry Certificate	√	√
				19	Permit/ Approval Letter From Marine Department	√	√
				20	Appointment Letter - Oil Spill Response (OSR)	√	√

29 – Bunker Surveyor			
Code	Attachment Type	New (6 Month)	Renewal (1 Year)
01	SSM Certificate & Corporate Information/ MOA	√	√
02	Company Profile	√	√
04	Company Act 1965 Form 24,44&49 Or Company Act 2016 Form 58,78&14	√	√
22	Bunker Survey License/Appointment Letter	√	√

### LAMPIRAN 3

#### Carta Alir Proses Pengurusan Lesen Perkhidmatan Sokongan oleh LPJ

**Nota : Ketua Unit – Pengurus kanan / Pengurus  
Pengurus Besar / Penolong Pengurus Besar OKS**



## LAMPIRAN 4

### Carta Alir Proses Pengurusan Lesen Perkhidmatan Sokongan oleh Pemohon

